

PRASARANA MASJID: PENILAIAN MASYARAKAT DAN PENGARUHNYA TERHADAP SOLAT SECARA BERJEMAAH DI KELANTAN

Muhammad Saiful Anuar Yusoff *

*Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
saiful673@uitm.edu.my*

Nik Muniyati Nik Din

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan

Nur Hafizah Ahmad Tajuddin

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan

Zanirah Mustafa @ Busu

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan

Nik Murshidah Nik Din

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu

Abstrak: Prasarana merupakan perkhidmatan dan kemudahan asas yang diperlukan bagi setiap aspek pembangunan dan kemajuan. Tidak terkecuali aspek kemudahan masjid seperti ruang solat, kemudahan dalam dan luar masjid, sudut kebersihan dan sebagainya yang merupakan antara faktor penting bagi masyarakat untuk menunaikan ibadat solat secara berjemaah di masjid-masjid. Namun, kajian berkaitan aspek fizikal masjid ini kurang diberi perhatian. Oleh yang demikian, kajian ini akan melihat persepsi masyarakat terhadap aspek prasarana dan pengaruhnya terhadap pelaksanaan solat berjemaah di masjid-masjid terpilih di seluruh negeri Kelantan. Sebanyak 618 data diperoleh daripada jemaah masjid yang kemudiannya dianalisis menggunakan perisian program *Statistical Packages For Social Science (SPSS)* versi 23.0. Dapatan kajian membuktikan bahawa a) tahap penilaian jemaah terhadap adalah tinggi bagi semua aspek prasarana masjid ($M=6.16-6.38$; $SP:0.94-1.09$) kecuali penilaian kemudahan mesra pengunjung dinilai pada tahap sederhana ($M=5.12$; $SP:1.11$) dan b) terdapat pengaruh prasarana masjid yang positif terhadap pelaksanaan solat secara berjemaah di masjid dengan kemudahan aktiviti keagamaan menjadi peramal utama ($\beta=.255$, $p=.000$), diikuti dengan fasiliti yang bersih, ceria dan selamat ($\beta=.152$, $p=.000$) dan kemudahan yang mesra pengunjung ($\beta=.144$, $p=.000$). Pengurusan prasarana masjid tidak mempengaruhi pelaksanaan solat secara berjemaah di masjid. Perbincangan berkaitan dapatan dan perbincangan berkaitan prasarana masjid dijelaskan.

Kata Kunci: Prasarana masjid, pelaksanaan solat secara berjemaah

1. Pendahuluan

Masjid adalah institusi yang sangat penting dalam Islam. Fungsi masjid telah ditunjukkan dengan jelas oleh Nabi Muhammad SAW dan para sahabat (Mustari & Jasmi, 2008). Antara fungsi masjid yang telah dijelaskan oleh baginda SAW adalah sebagai pusat ibadah, pusat pentarbiahan, pusat ekonomi dan pusat kegiatan segala aktiviti kemasyarakatan (Nor Azlina & Norafifah, 2016). Pelaksanaan solat berjemaah di masjid adalah satu ibadah yang amat digalakkan dalam Islam. Ini membuktikan kepentingan institusi masjid kepada umat Islam dan peranan yang wajib dimainkan oleh semua pihak terutama dalam menunaikan solat secara berjemaah dan juga sebagai pusat penyebaran dakwah dan ilmu-ilmu Islam (Harun, 2013).

Kepentingan solat secara berjemaah terhadap umat Islam tidak dapat disangkal. Ganjaran bagi individu yang menunaikan solat secara berjemaah sangat besar berbanding dengan solat bersendirian. Solat yang dilakukan secara berjemaah dapat mewujudkan satu penyatuan dan persamaan ketika berhadapan dengan Allah SAW. Kesepaduan yang dibina melalui solat berjemaah merupakan petunjuk

* Corresponding author: Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Kampus Machang, Malaysia. Email: saiful673@uitm.edu.my

kepada kekuatan umat Islam dan menjadi kayu pengukur kepada musuh-musuh Islam dalam menilai kehebatan dan kekuatan Islam. Hanya solat berjemaah sahaja mampu menzahirkan syiar Islam dan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan muslimin (Bidin et al., 2016)

Banyak kajian yang dilakukan berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan solat secara berjemaah (Shukri et al., 2014; Suhaila et al., 2018). Antaranya, kesedaran untuk mendapat pahala dan dorongan daripada individu seperti keluarga, rakan sebaya, didikan guru dan alim ulama. Tidak kurang juga kajian yang dilakukan berkaitan halangan kepada pelaksanaan ibadat solat secara berjemaah (Shukri et al., 2014; Mohamad Azrien et al., 2010). Antara faktor yang dikaitkan dengan keengganan individu untuk melaksanakan solat secara berjemaah, sikap negatif individu dengan masyarakat, persekitaran dan aktiviti kerohanian (Shukri et al., 2014), lokasi masjid yang kurang strategik dan jauh, faktor kurang didikan agama, kesibukan harian dan pengaruh rakan (Mohamad Azrien et al., 2010)

Kajian-kajian di atas memperlihatkan beberapa faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi seseorang untuk melaksanakan ibadah solat secara berjemaah di masjid. Walaupun demikian, kebanyakan kajian tidak banyak memberikan fokus terhadap faktor luaran yang mempengaruhi kehadiran masyarakat untuk menunaikan solat secara berjemaah di masjid. Oleh yang demikian, perbincangan berkaitan prasarana sebagai salah satu daripada aspek luaran dan pengaruhnya terhadap pelaksanaan solat secara berjemaah di masjid di laksanakan. Bagi mengisi lompong kajian, objektif kajian ini adalah untuk menilai tahap persepsi masyarakat terhadap prasarana masjid dan pengaruh prasarana masjid terhadap pelaksanaan solat secara berjemaah.

2. Kajian Literatur

Prasarana merujuk kepada kemudahan dan perkhidmatan asas seperti kemudahan pengangkutan, perhubungan, pendidikan, kesihatan serta pelbagai kemudahan lain yang perlu bagi pembangunan dan kemajuan sesebuah komuniti, organisasi dan negara (DBP, 2015). Sesebuah masjid perlu dilengkapi dengan kemudahan untuk mengimarahkan masjid sesuai dengan fungsi masjid sebagai tempat pelbagai aktiviti seperti aktiviti keagamaan, sosial dan sebagainya. Kemudahan fasiliti merupakan aspek penting yang perlu difikirkan oleh pihak pengurusan masjid kerana keupayaannya dalam menarik minat orang ramai untuk melakukan pelbagai jenis aktiviti keagamaan (Nuryaqazah et al., 2019).

Kemudahan masjid yang mesra pengunjung merupakan salah satu daripada faktor yang mendorong orang ramai untuk ke masjid dan seterusnya menunaikan solat secara berjemaah di sana. Kemudahan asas yang sesuai dengan keperluan semasa seperti rumah tumpangan (*homestay*) dan kemudahan awam seperti tandas dan tempat rehat menjadi faktor yang menggalakkan mereka untuk bersolat di masjid (Muhammad Talhah & Sharul Fitry, 2019). Prasarana yang disediakan oleh masjid ini bukan sahaja dapat melindungi para musafir, bahkan sekaligus dapat mengajak mereka mendekati diri dengan aktiviti-aktiviti masjid (Nor Azlina & Norafifah, 2016). Selain itu, proses pendidikan yang dilakukan di masjid menjadi lebih mudah dan efisien (Andi Fitriani & Siti Wardah, 2019).

Prasarana mesra kanak-kanak dilihat amat penting bagi menggalakkan ibu dan bapa membawa anak-anak mereka pergi ke masjid dan seterusnya menunaikan solat berjemaah di sana. Penyediaan ruang asuhan, kemudahan bilik susuan, tempat menyalin lampin dan tandas khas untuk kanak-kanak dan keluarga perlu diberi keutamaan. Tempat permainan untuk kanak-kanak, taman riadah seperti memanah, futsal, bola jaring, kem solat, kem belajar mengaji, kem belajar tajwid dan tamhid juga menjadikan masjid sebagai tumpuan masyarakat sekitar untuk datang dan secara tidak langsung sebagai pendorong masyarakat setempat untuk menjadi ahli masjid dan menggalakkan lagi aktiviti solat berjemaah di masjid (Nor Azlina & Norafifah, 2016; Raja Nafida et al., 2017; Safinah et al., 2019). Prasarana yang diperlukan untuk kegunaan ahli jemaah kurang upaya seperti kemudahan tandas khas dan tempat letak kereta dilihat dapat menarik minat ahli masyarakat dalam kalangan orang kurang upaya untuk hadir ke masjid (Azlan & Rashidi, 2018; Nor Azlina & Norafifah, 2016). Kemudahan tempat wuduk, ruang solat dan tandas yang mesra pengunjung OKU menjadikan golongan ini tidak merasa sukar untuk datang beribadat di masjid dan dijangka akan menambah jumlah ahli jemaah daripada kalangan orang kurang upaya (Halim et al., 2020; Hamzah & Ismail, 2017).

Selain daripada faktor mesra pengunjung, kemudahan yang disediakan untuk program kemasyarakatan seperti ceramah, kuliah dan dialog menyumbang kepada pelaksanaan ibadat solat

secara berjemaah di masjid. Kemudahan untuk aktiviti agama seperti alat bantuan mengajar seperti laptop dan LCD memberi nilai tambah yang dapat menarik minat pengunjung untuk pergi ke masjid dan seterusnya menunaikan ibadat solah secara berjemaah (Rahman & Abbas, 2017). Kemudahan dan kelengkapan peralatan audio-visual dan komputer menjadi faktor penting dalam penentuan ahli jemaah ke masjid kerana ia lebih menarik perhatian mereka (Mustari & Jasmi, 2008). Penggunaan alatan moden amat menyumbang kepada pengimarah masjid oleh orang ramai (Ashaari & Mokhtar, 2018). Masjid yang tampil dengan imej dan fasiliti yang baik mampu untuk menarik setiap lapisan masyarakat agar sentiasa dekat dan bersemangat untuk istiqamah mengimarahkannya dengan aktiviti solat secara berjemaah.

Faktor lain yang mendorong jemaah ke masjid ialah pengurusan fasiliti masjid yang mesra jemaah oleh pihak pengurusan masjid. Pengurusan kemudahan atau aset masjid bukan setakat mengurus sistem pembesar suara, permaidani dan tabung simpanan masjid yang tidak dibelanjakan di bank atau rumah kedai yang disewakan semata-mata, sebaliknya ia melibatkan lebih daripada itu. Tempat ibadat atau dewan solat yang nyaman, bersih dan selesa, kemudahan tempat letak kenderaan yang mencukupi, kemudahan untuk bersuci yang terbaik, program majlis ilmu yang dilaksanakan berdasarkan keperluan jemaah, program untuk generasi belia dilaksanakan sebagai penyediaan pelapis jemaah yang setia untuk masa akan datang dan semua kemudahan yang menjurus kepada keperluan jemaah masjid perlu diberi perhatian. Sekiranya pengurus dan ahli jawatankuasa masjid menyedari hakikat ini, sudah tentu mereka akan mengambil berat dan menyediakan kemudahan masjid yang terbaik kepada jemaahnya (Burhanuddin, 2019). Ini akan mendorong masyarakat untuk pergi ke masjid dan mengimarahkan masjid solat berjemaah dan pelbagai aktiviti yang lain.

Fasiliti masjid tidak berfungsi dengan baik sekiranya aspek aspek kebersihan, keceriaan dan keselamatan tidak dijaga. Program-program kebersihan dan keceriaan masjid dan surau seperti gotong-royong, penyediaan peralatan kebersihan dan penentuan jadual giliran pembersihan di kalangan ahli kariah perlu dirancang. Semua tempat tumpuan pengunjung masjid dan surau seperti ruang solat, bilik kuliah, tempat wuduk dan bilik air perlu dipastikan dalam keadaan bersih. Keceriaan dapat dizahirkan apabila al-Quran, Surah Yasin, sejadah, telekung, rak kasut, tempat simpanan beg dan tempat letak kenderaan bermotor berada dalam keadaan teratur dan tersusun. Keceriaan di dalam kawasan masjid dapat ditambah melalui penanaman pokok-pokok hiasan yang sesuai. Aspek keselamatan dan kesihatan perlu dilaksanakan di dalam persekitaran masjid kerana amat relevan dengan keperluan dan tuntutan semasa. Penyediaan pengawal keselamatan bagi menjaga bangunan dan kawasan masjid, keadaan trafik meletak kenderaan, penjagaan kunci masjid dan pintu pagar amat diperlukan terutama bagi masjid-masjid yang menjadi tumpuan penduduk dan pengunjung. Masjid harus mempunyai garis panduan yang khusus berkenaan aspek keselamatan dan kesihatan sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini (Halim et al., 2020). Situasi semasa yang terjejas dengan penularan wabak Covid-19 memerlukan pihak pengurusan masjid mempunyai panduan asas keselamatan ketika hendak melakukan solat jemaah atau mengadakan majlis-majlis keagamaan di masjid (Rohaniza Idris dalam Halim, 2020).

3. Metodologi Kajian

3.1 Kerangka kajian

Kajian yang menggunakan pendekatan kuantitatif ini dijalankan terhadap jemaah yang menunaikan solat secara berjemaah di seluruh jajahan di Kelantan. Untuk memastikan sampel responden yang dipilih mewakili populasi kajian yang tidak seragam dan berbeza jumlah mengikut jajahan, teknik persampelan rawak berkelompok digunakan (Chua, 2011). Jemaah masjid sebagai unit analisis akan dikelompokkan berdasarkan masjid mengikut jajahan masing-masing. Daripada tiga 13 jajahan di Kelantan, dua buah masjid dipilih secara rawak daripada setiap jajahan dengan bilangan jemaah setiap masjid yang dipilih secara rawak seramai 25 orang menjadikan jumlah keseluruhan responden kajian 650 orang. Sebagaimana yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970), sebanyak 384 responden diperlukan untuk mewakili kesemua populasi yang terdapat di Kelantan. Walaupun demikian, sebanyak 618 data digunakan untuk analisis bagi mendapat gambaran yang lebih terperinci berkaitan jemaah yang melaksanakan solat secara berjemaah di masjid di Kelantan.

Proses untuk mendapatkan data dilakukan melalui penggunaan borang soal selidik. Responden kajian diminta untuk menyatakan tahap persetujuan mereka terhadap kenyataan yang diberikan dalam

bentuk skala Likert tujuh mata. Nilai 1 menunjukkan tahap persetujuan paling rendah manakala nilai 7 menunjukkan tahap persetujuan paling tinggi terhadap soalan atau kenyataan yang dinyatakan.

Data diperoleh daripada responden kajian yang terdiri daripada para jemaah masjid di beberapa masjid terpilih bagi setiap jajahan di seluruh negeri Kelantan. Pada peringkat awal, perbincangan dilakukan dengan kesemua Pegawai Agama Jajahan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JAHEAIK) setiap jajahan untuk tujuan pengedaran borang soal selidik. Taklimat dilakukan untuk menjelaskan proses pengedaran borang soal selidik dan temubual yang akan dijalankan. Responden diminta untuk mengisi borang soal selidik yang terdiri daripada maklumat demografi, item pemboleh ubah prasarana dan item pelaksanaan solat secara berjemaah di masjid atau surau. Sedikit cenderahati untuk responden dan sumbangan jamuan untuk masjid yang terlibat juga telah disediakan.

Kesemua soal selidik yang dikembalikan akan dianalisis menggunakan SPSS Versi 23.0. Sebelum analisis data dilaksanakan, proses pembersihan data yang melibatkan beberapa ujian seperti data yang tidak lengkap dan pengesanan data terpencil dilakukan. Sebahagian data dijelaskan dalam bentuk jadual untuk membolehkan pembaca memahami dengan lebih jelas dapatan kajian. Analisis yang dijalankan melibatkan statistik deskriptif, analisis frekuensi, ujian kebolehppercayaan dan analisis regresi pelbagai.

4. Dapatan Kajian

4.1 Profil demografi responden

Daripada jumlah seramai 618 orang, majoriti responden terdiri daripada lelaki (64.9%) berbanding perempuan (35.1%). Satu pertiga daripada umur responden antara 40 dan 59 tahun (38.2%). Secara terperinci, responden dalam kategori belia antara 25 dan 39 tahun (27.2%), kategori berumur lanjut antara 60 dan 74 tahun (18.1%) kategori remaja antara 15 dan 24 tahun (13.9%). Bagi kategori tua antara 75 dan 90 tahun dan kategori kanak-kanak antara 0 dan 14 tahun menunjukkan peratusan paling rendah iaitu masing-masing hanya 2.1% dan 0.5%. Dari sudut pendapatan responden, 49.4% daripada mereka memperoleh pendapatan kurang daripada RM950. Ini diikuti dengan responden yang berpendapatan antara RM951.00 dan RM3860.00 (37.5%), responden berpendapatan antara RM3861.00 dan RM8319.00 (10.8%) dan responden berpendapatan lebih RM8320.00 (2.3%). Dari segi kelayakan akademik, majoriti responden memiliki tahap pendidikan pada peringkat SPM (42.4 %), manakala jumlah yang paling sedikit terdiri daripada responden berkelayakan PhD (0.8%). Responden berkelayakan diploma (15.9%), sarjana muda (15.2%), master (5.5%), dan selebihnya lain-lain kelayakan (20.1%). Majoriti responden pergi ke masjid mukim untuk melaksanakan solat berjemaah (86.9%) manakala selebihnya pergi ke surau atau madrasah (9.7%) dan masjid negeri (3.4%).

4.2 Analisis data

Pertama sekali, analisis deskriptif dilaksanakan untuk melihat tahap penilaian responden terhadap prasarana masjid di negeri Kelantan. Kedua, analisis regresi pelbagai dilakukan untuk menguji kesan prasarana masjid terhadap pelaksanaan ibadat solat secara berjemaah di masjid atau surau.

4.3 Analisis deskriptif

Dapatan yang diperoleh daripada borang soal selidik dinilai menggunakan purata setiap elemen prasarana (Min) dan sisihan piawai (SP) dalam menentukan persepsi responden terhadap empat elemen prasarana masjid. Daripada tujuh mata skala Likert, nilai 5.6 ke atas di anggap tinggi, antara 3.5 dan 5.5 dianggap sederhana, dan antara 0 dan 3.4 dianggap rendah. Bagi nilai sisihan piawai, nilai antara 0.00 dan 0.25 dianggap mendapat persetujuan responden yang sangat rendah, antara 0.26 dan 0.50 dianggap mendapat persetujuan responden yang rendah, antara 0.51 dan 0.75 dianggap mendapat persetujuan responden yang sederhana, antara 0.76 dan 1.00 dianggap mendapat persetujuan responden yang tinggi dan 1.01 ke atas dianggap mendapat persetujuan responden yang sangat tinggi (Ramlee, 1999).

Hasil analisis menunjukkan nilai min pada tahap yang tinggi bagi kemudahan aktiviti keagamaan (6.38), kebersihan, keceriaan dan keselamatan (6.36) dan kemudahan untuk pengurusan masjid (6.16)

manakala kemudahan mesra pengunjung dan musafir pada tahap yang sederhana (5.12). Responden kajian menilai pada tahap yang tinggi kesemua elemen prasarana masjid kemudahan yang mesra pengunjung dan musafir yang dinilai pada tahap yang sederhana. Dapatan analisis ini disokong oleh tahap persetujuan yang tinggi responden terhadap kesemua elemen prasarana dengan nilai sisihan piawai (SP) antara 0.94 dan 1.11. Ringkasan persepsi responden terhadap empat elemen prasarana dijelaskan dalam Jadual 1 di bawah.

Dapatan analisis menjelaskan bahawa responden kajian bersetuju dengan prasarana yang ada di masjid-masjid di seluruh negeri Kelantan. Ini menunjukkan responden kajian menilai pada tahap yang tinggi tiga elemen prasarana iaitu kemudahan dan peralatan bagi menjalankan aktiviti agama, kemudahan dan layanan yang diberikan ahli masjid dan prasarana untuk tujuan kebersihan, keceriaan dan keselamatan masjid. Namun, responden kajian menilai kemudahan bagi para pengunjung pada tahap sederhana. Ringkasan persepsi responden terhadap empat elemen prasarana dijelaskan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Taburan Persepsi Responden Berkaitan Prasarana Masjid (N:618)

| Item M | M | SP | Tahap |
|---|------|------|-----------|
| Kemudahan Mesra Pengunjung dan Musafir | 5.12 | 1.11 | Sederhana |
| Kemudahan Aktiviti Keagamaan | 6.38 | 0.94 | Tinggi |
| Pengurusan Fasilitas Masjid | 6.16 | 1.09 | Tinggi |
| Kebersihan, Keceriaan dan Keselamatan Prasarana | 6.36 | 0.97 | Tinggi |

Nota: M: Min, SP: Sisihan piawai.
Sumber: Penulis (2020)

4.4 Analisis regresi pelbagai

Prosedur Penyelesaian *Stepwise* digunakan untuk mengelakkan daripada berlakunya *over-fitting* dalam model kajian apabila kesemua faktor dimasukkan serentak. Menurut Diekhoff (1992), prosedur ini lebih praktikal kerana hanya pemboleh ubah peramal yang signifikan sahaja dimasukkan ke dalam analisis regresi. Selain itu, prosedur ini juga dapat mengelakkan masalah pertindanan antara pemboleh ubah peramal (*multicollinearity*) menyebabkan analisis yang dijalankan menjadi kurang tepat. Oleh yang demikian, *stepwise* digunakan untuk mendapatkan faktor yang benar-benar menerangkan varian yang terdapat dalam pemboleh ubah bersandar.

4.5 Analisis regresi keseluruhan

Keputusan analisis regresi pelbagai menggunakan kaedah *stepwise* menunjukkan bahawa bagi sampel kajian ini (N=618), H2, H1 dan H4 merupakan peramal yang signifikan bagi skor pelaksanaan solat berjemaah. Ketiga-tiga faktor peramal ini menerangkan sebanyak 37.7% daripada varians yang terdapat skor pelaksanaan solat berjemaah ($R^2=.377$). Ini bererti bahawa H2 (kemudahan dan peralatan bagi menjalankan aktiviti agama) ($\beta=.255, p=.000$), H1 (kemudahan dan layanan yang diberikan ahli masjid) ($\beta=.144, p=.000$) dan H4 (prasarana untuk tujuan kebersihan, keceriaan dan keselamatan masjid) ($\beta=.152, p=.000$) dapat meramal skor pelaksanaan solat berjemaah dengan peramal utama terhadap pelaksanaan solat berjemaah ialah faktor kemudahan dan peralatan bagi menjalankan aktiviti agama. Nilai VIF bagi setiap pemboleh ubah yang kurang daripada 5 menunjukkan tiada isu pertindanan pemboleh ubah kajian (*multicollinearity*) (Hair et al., 2017). Hasil analisis ini diterangkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Dapatan Analisis (N:618)

| | Nilai R ² | Pekali Standard | | | Statistik Kolinieariti | |
|---------------|----------------------|-----------------|---------|-------|------------------------|-------|
| | | Beta | Nilai t | Sig. | Tolerance | VIF |
| Pemboleh ubah | | | | | | |
| H2 | 0.377 | 0.255 | 6.200 | 0.000 | 0.429 | 2.329 |
| H1 | | 0.144 | 4.167 | 0.000 | 0.432 | 2.317 |
| H4 | | 0.152 | 3.715 | 0.000 | 0.406 | 2.466 |

Nota: Sumber: Penulis (2020)

5. Perbincangan

Kajian ini dilakukan untuk melihat tahap persepsi masyarakat terhadap prasarana masjid dan pengaruhnya terhadap pelaksanaan ibadat solat secara berjemaah dalam kalangan masyarakat di Kelantan. Dapatan kajian mendapati penilaian masyarakat terhadap empat elemen prasarana masjid adalah baik dengan tiga elemen prasarana dinilai pada tahap yang tinggi iaitu elemen kemudahan bagi aktiviti keagamaan, pengurusan prasarana oleh kakitangan masjid atau surau yang peramah dan kemudahan yang bersih, ceria dan selamat. Namun, kemudahan yang disediakan kepada pengunjung dinilai oleh jemaah masjid pada tahap yang sederhana.

Secara lebih terperinci, penilaian responden adalah berbeza. Faktor prasarana masjid atau surau yang mendorong aktiviti keagamaan dinilai oleh responden pada tahap yang paling tinggi, diikuti dengan kemudahan yang bersih, ceria dan selamat dan pengurusan fasiliti. Dapatan kajian ini selari dengan kajian sebelum ini yang melihat pelaksanaan aktiviti agama dengan prasarana dan kemudahan yang mencukupi adalah amat penting dalam menggalakan ahli jemaah ke masjid. Kemudahan yang disediakan ini mempermudah perjalanan dan penyampaian aktiviti keagamaan yang secara tidak langsung akan menarik lebih ramai jemaah untuk mengikuti aktiviti tersebut dan seterusnya melaksanakan solat secara berjemaah di masjid tersebut. (Ashaari & Mokhtar, 2018; Mustari & Jasmi, 2008; Azlan & Rashidi, 2018).

Bagi objektif kedua, tiga elemen prasarana secara positif mempengaruhi pelaksanaan ibadat solat secara berjemaah ($R^2=0.377$). Sebanyak 37.7% varian dalam pelaksanaan ibadat solat secara berjemaah diterangkan oleh tiga elemen prasarana iaitu kemudahan bagi aktiviti keagamaan, kemudahan bagi pengunjung dan kemudahan yang bersih, ceria dan selamat. Dapatan kajian ini selari dengan kajian sebelum ini yang melihat bahawa kemudahan yang disediakan untuk aktiviti agama yang moden dan lengkap mampu menarik jemaah untuk ke masjid dan seterusnya menunaikan solat secara berjemaah di sana (Rahman & Abbas, 2017; Mustari & Jasmi, 2008; Ashaari & Mokhtar, 2018). Kemudahan yang disediakan kepada pengunjung yang bersih, ceria dan selamat juga mempengaruhi jemaah untuk melaksanakan solat secara berjemaah di masjid (Siskawati et al., 2016; Bani Hidayat & Nor Hayati, 2012; Andi Fitriani & Siti Wardah, 2019; Nor Azlina & Norafifah, 2016; Raja Nafida et al., 2017; Safinah et al., 2019). Namun, pengurusan prasarana masjid atau surau yang tidak mempengaruhi jemaah untuk berjemaah di masjid menunjukkan kemungkinan pengurusan fasiliti yang tidak mengambil berat dan menyediakan kemudahan masjid yang terbaik kepada jemaahnya yang menjadi aset sebenar bagi sesebuah masjid atau surau (Burhanuddin, 2019).

6. Kesimpulan

Hasil kajian dengan jelas membuktikan aspek prasarana dan kemudahan yang disediakan oleh sesebuah masjid memainkan peranan yang penting dalam menggalakan lagi kehadiran masyarakat ke sana. Aspek utama yang perlu diberi keutamaan dewasa ini adalah untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang moden dan terkini bagi aktiviti keagamaan yang dilihat dapat menarik ramai anggota masyarakat daripada pelbagai peringkat umur untuk melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh pihak masjid. Selain itu, aspek keceriaan masjid, kebersihan dan keselamatan perlu menjadi keutamaan dalam proses penambahbaikan masjid dan surau selain daripada penyediaan kemudahan asas yang sesuai dengan keperluan pengunjung. Oleh sebab itu, pihak pengurusan masjid dan badan-badan yang berautoriti dalam mengendalikan hal ehwal institusi masjid perlu mengambil inisiatif untuk lebih memberi keutamaan pada aspek di atas dalam rangka dan proses untuk meramaikan lagi ahli jemaah ke masjid di negeri Kelantan.

7. Penghargaan

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) yang telah menyediakan geran penyelidikan (JUI. (KN) D.226/DW/P-103 (05)) dan Pegawai-pegawai Agama Jajahan yang memberikan sokongan dan kerjasama yang amat baik dalam proses mendapatkan data dan memastikan proses penyelidikan ini berjalan dengan lancar.

Rujukan

- Andi Fitriani Djollong, St. Wardah Hanafie Das, Adelina Damayanti. (2019). Upaya Guru Pendidikan Agama Islam dalam Membiasakan Salat Berjamaah dan Pengaruhnya Terhadap Kepribadian Peserta Didik pada SMP Negeri 2 Liliriaja Kabupaten Soppeng. *Al-Musannif: Journal of Islamic Education and Teacher Training*, 1(1), 65–76. <https://jurnal.mtsddicilellang.sch.id/index.php/al-musannif>
- Ashaari, M. F., & Mokhtar, F. (2018). Pandangan Imam dan Pentadbir Masjid tentang kehadiran masyarakat ke Masjid. *Jurnal Hadhari*, 10(2), 205–224. http://sistemaklumat-dpl-iit.blogspot.com/2012/11/blog-post_24.html?m=1
- Azlan Abd. Rahman, & Rashidi Abbas. (2018). Persepsi Masyarakat Terhadap Program Pengimaran Masjid Di Negeri Pahang: Satu Analisis the Community's Perception Towards the Mosque Activities Programs in Pahang: An Analysis. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 1(2), 16–26.
- Azlan, Abd. Rahman & Rashidi, Abbas (2018) *Persepsi masyarakat terhadap program pengimaran masjid di Negeri Pahang: Satu analisis*. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 1(2), 16-26. ISSN 2600-8270
- Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib, A. H. T. & A. T. T. (2012). Masjid Menjana Pembentukan Belia Rabbani. *Malaysia Journal of Youth Studies*, 127–142.
- Bidin, H., Baharuddin, A. S., & Mustari, I. (2016). Ikhtilaf Hukum Solat Fardu Berjamaah Menurut Mazhab Syafie: Satu Sorotan Kajian. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies* (EISSN: 2289-8204), 3(1), 49–61. <https://doi.org/10.11113/umran2016.3n1.32>
- Burhanuddin Jalal. (2019, April 11). *Pengurusan masjid, surau perlu 'berasaskan jemaah'*. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/04/551547/pengurusan-masjid-surau-perlu-berasaskan-jemaah>
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah penyelidikan edisi kedua*. McGraw-Hill (Malaysia).
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). *Kamus Dewan Edisi Keempat* (D. B. D. Pustaka (Ed.); Edisi Keenam). Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Diekhoff, G. (1992). *Statistics for the social and behavioral sciences*. Wm. C. Brown Publishers.
- Hair, J., Hollingsworth, C.L., Randolph, A.B., & Chong, A. (2017). An updated and expanded assessment of PLS-SEM in information systems research. *Industrial Management & Data Systems*, 117(3), 442-458.
- Halim, 'I.A., Lateh, A.T.A, Saidin, A. (2020). Preliminary Evaluation of the Mosques Safety Audit Model in Kulim, Kedah Malaysia: A Review. *Asian People Journal*, 3(1), 162-169.
- Hamzah, S. B., & Ismail, A. M. (2017). Rukhsah Sakit dan Prasarana Hospital. *Jurnal Pengajian Islam*, 1(10), 92–103.
- Harun, M. S. (2013). *Pengurusan aktiviti dakwah di Masjid Daerah Kerian, Perak: Kajian tentang persepsi dan masalah*. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Mohamad Azrien Mohamad Adnan, Muhammad Azmi Mustapha & Shukeri Mohamad. (2010). Pemahaman dan pelaksanaan solat berjamaah: Kajian ke atas masyarakat Kg Paya Lada. Dlm. *Isu-isu Pengurusan dan Pengimaran Masjid di Alaf Baru*, di sunting oleh Ahmad Najib Abdullah (Eds.). Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain & Sharul Fitry Abdul Majid (2019). Masjid Medium Pendidikan Membina Masyarakat Berakhlak, *Seminar Kebangsaan Keluarga Sejahtera Negeri Johor 2019*, 1–14.
- Mustari, M. I. & Jasmi, K. A. (2008). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Universiti Teknologi Press. ISBN: 978-983-52-0503-3.
- Mustari, M. I. & Jasmi, K. A. (2008). *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid (Penyelenggara)*. Universiti Teknologi Press. ISBN: 978-983-52-0508-8.
- Nor Azlina Abd. Wahab, & Norafifah Ab. Hamid, N. C. M. (2016). Pemerksaan Peranan Masjid Di Malaysia Era Kontemporari. *E-Academia Journal UiTMT*, 5(2), 19-39.

- Nuryaqazah Mohammad Dom, Hanis Etasa Rosli, Nur Haziqah Wan Ahmad, & Wan Nor Suhaida Wan Mamat. (2019). Aktiviti Pemuliharaan dan Pemakmuran Masjid dan Surau Lama di Kuala Terengganu. *Proceeding of International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*. (pp. 291-299). Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). E-ISBN 978-967-2231-26-4
- Raja Nafida Raja Shahminan, Jamilia Mohd Marsin, Syed Ahmad Iskandar, & Ismail Mustari. (2017). *Ke Arah Membangunkan Masjid Mesra Remaja, 4th International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management 2017*, 4, 65–78.
- Ramlee, M. (1999). *The Role of Vocational and Technical Education in the Industrialization of Malaysia as Perceived by Educators and Employers*. (Unpublished PhD Thesis, Purdue University).
- Safinah Ismail, Nor Hasdillah Mohd Hasim, Muhammad Aiman Syakir Aziz, Muhammad Ezazi Hazwan Edi, & Mohamad Haziq Abd. Malik. (2019). Peranan Institusi Masjid Ke Arah Mesra Kanak-Kanak: Masjid Alhasanah. *e-Proceedings of 6th International Conference on Mosque, Zakat and Waqf Management (IMAF-2019)* (173-182). Bangi, Selangor, Malaysia. E-ISBN: 978-967-13087-5-2.
- Shukri, A., Yahya, D., Wan Abd Rahman Khudri, W. A., Madiha, M. I., & Shahril Fazli, M. H. (2014). Penghayatan Solat Dan Pengimarahannya Masjid : Kajian Dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia. *Proceeding Of The Social Sciences Research ICSSR*, 786–797.
- Siskawati, E., Ferdawati, & Surya, F. (2016). Pemaknaan Akuntabilitas Masjid: Bagaimana Masjid dan Masyarakat Saling Memakmurkan?. *Jurnal Akuntansi Multiparadigma*, 7(1), 70–80. <https://doi.org/10.18202/jamal.2016.04.7006>
- Suhaila, N., Suhaily, M. S., Siti Syuhada, A. R., Ahmad A'toa', M., & Azri Rizal, M. R. (2018). Pendidikan Awal Solat dalam Kalangan Remaja di Negeri Selangor. *Proceeding of the 5th International Conference on Management and Muamalah (ICoMM 2018)* (297-317). e-ISBN: 978-967-2122-52-4